



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكرى ملاك

## JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.2(38)  
Tarikh : 6 Disember 2019  
Bersamaan : 9 Rabiulakhir 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk / Tuan / Puan,

### SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.06 TAHUN 2019 BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,000.00 sebagai penghargaan kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui risalat MKKN P.14 10B/36/2019 bersetuju untuk meluluskan Cadangan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kerajaan Negeri Dan Menerima Pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2019 – Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2019 seperti berikut :

- i) BKK sebanyak RM1,000.00 seperti yang diumumkan Kerajaan Negeri pada pembentangan bajet pada 18 November 2019 akan diberikan kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka di semua gred jawatan, kakitangan bertaraf tetap, *contract of service*, *contract for service*, kakitangan di Pejabat YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), YB ADUN dan Pegawai Penyelaras DUN, Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan guru sandaran Jabatan Agama Islam Melaka dengan syarat bahawa pegawai yang masih berkhidmat pada 18 Disember 2019 dan telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- ii) Mengguna pakai syarat-syarat yang tertakluk di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2019 – Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dengan mengambil kira semua skim dan gred perjawatan;
- iii) BKK ini tidak dipanjangkan kepada :-
  - a) Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019;
  - b) Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019; dan
  - c) Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.



- iv) BKK sebanyak RM1,000.00 dibayar pada tarikh pembayaran gaji bagi bulan Disember 2019;
- v) Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini juga dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Pihak berkuasa Berkanun Negeri;
- vi) Kerajaan Negeri juga bersetuju memberi tambahan RM500 kepada penjawat awam persekutuan yang berkhidmat di Negeri Melaka di jabatan yang mempunyai penjawat awam negeri dan penjawat awam persekutuan; dan
- vii) Kerajaan Negeri juga bersetuju memberi bantuan khas RM1,000.00 kepada Ketua Jabatan bagi jabatan yang mempunyai penjawat awam negeri dan penjawat awam persekutuan yang mana emolumen di bayar oleh Kerajaan Persekutuan walaupun tidak dibayar bantuan khas oleh Kerajaan Persekutuan kerana gred 56 dan ke atas.

4. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai yang pembayaran gaji dibuat melalui sistem "**payroll**", Pihak Bendahari Negeri akan membuat Bayaran Bantuan Khas Kewangan tersebut. Sila rujuk kepada Laporan Jabatan masing-masing yang dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri.

5. Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan "**payroll**" bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem SPEKS selewat-lewatnya pada 20 Disember 2019 (Jumaat)**. Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK 2019 – "nama pegawai"**. Contoh: **BKK 2019 – Sallehuddin Bin Aziz**

6. Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik mengikut arahan berkuatkuasa. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-230 7285/298/802**

Sekian terima kasih.

**"MELAKA BERWIBAWA"**  
**"PINTAR, HIJAU, BERSIH"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(NORIFAH BINTI NORDIN)**  
Bendahari Negeri,  
**MELAKA**